

Cabaran PKS berdepan pandemik

Kini, negara dilanda gelombang ketiga pandemik COVID-19 yang mengakibatkan negara terus berhadapan ketidak-tentuan ekonomi sejak awal tahun ini.

Banyak sektor pekerjaan dan perniagaan terkesan dengan dugaan terbaru ini selepas dibenarkan menjalankan aktiviti harian mengikut SOP ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Krisis ekonomi dihadapi negara kini berbeza dengan krisis pernah berlaku dahulu.

Pertama, krisis sebelum ini secara amnya berpunca kemerosotan asas ekonomi itu sendiri, namun krisis kali ini pula disebabkan faktor luaran bukan ekonomi, iaitu COVID-19 yang kehadirannya menyebabkan asas ekonomi negara merosot.

Faktor itu perlu ditangani sekiranya negara ingin memulihkan ekonomi kepada tahap sediakala.

Kedua, krisis sebelum ini banyak bertumpu pada sektor tertentu sahaja, terutama sektor kewangan seperti pada 1997-1998 dan kesannya pada permintaan kebiasaannya hanya bertumpu ke-

pada sama ada permintaan dalaman atau luaran.

Bagaimanapun, krisis kali ini memberi kesan kepada kebanyakan sektor dan pengurangan permintaan pada kedua-dua sektor dalaman serta luaran.

Seperti kita ketahui, kesan COVID-19 terhadap ekonomi Malaysia pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah hebat hingga pertumbuhan menjadi negatif.

Pelaksanaan PKP secara langsung menghalang pergerakan aktiviti ekonomi dalam pelbagai sektor atau cuma membenarkan aktiviti ekonomi bergerak dengan kadar lebih perlahan daripada sebelumnya.

Kerisauan rakyat sendiri untuk mem-babitkan diri dalam aktiviti ekonomi kerana kuaran dijangkiti COVID-19 menambahkan lagi beban sedia ada.

Dalam tempoh PKP bermula Mac, banyak sektor perniagaan terkesan akibat permintaan merudum dan kesukaran mendapatkan sumber untuk pengeluaran, termasuk sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Hal ini juga memberi kesan negatif kepada pekerja yang sebahagian terpaksa diberhentikan untuk pengurangan kos atau syarikat menamatkan operasi.

Kemudian, ekonomi mula bergerak

kembali selepas kerajaan melonggar-kan syarat PKP selepas beberapa bulan PKP dilaksanakan.

Permintaan mula meningkat, terutama permintaan dalam negeri dan memberi peluang kepada perniagaan, termasuk PKS untuk bernafas semula walaupun pemulihan sepenuhnya masih jauh untuk dicapai.

Bagaimanapun, gelombang ketiga COVID-19 yang bermula baru-baru ini membawa semula cabaran kepada ekonomi negara.

Kedudukan kewangan PKS yang masih dalam keadaan tidak stabil akan menjadi lebih sukar.

Apa yang boleh dilakukan mungkin dengan menjalankan PKP untuk kawasan tertentu yang mempunyai kes COVID-19 tinggi sahaja.

Pada masa sama memastikan segala prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi peniaga dan orang ramai di kawasan lain.

Kerajaan juga perlu memikirkan kaedah urus niaga baharu yang kurang membabitkan perjumpaan, iaitu seperti kaedah dalam talian.

Fasiliti bagi operasi dan urus niaga secara maya ini perlu dibangunkan atau dimajukan bagi membantu operasi perniagaan, termasuk PKS kerana kita

tidak dapat memastikan bilakah COVID ini akan lenyap.

Oleh itu, ekonomi perlu bersedia dengan kaedah operasi dan urus niaga kalis kejutan wabak.

Selain itu, kerajaan perlu membuat penjimatan pada sektor atau projek tertentu yang mempunyai kesan putaran rendah dan bersifat jangka panjang.

Dana dijamin ini boleh disalurkan ke sektor atau projek yang mempunyai kesan putaran lebih tinggi dan meluas serta operasi membabitkan rakyat secara terus.

Kesan negatif gelombang ketiga atas PKS juga boleh dikurangkan dengan kerajaan mengambil tindakan boleh membantu mereka meneruskan operasi.

Contohnya, lanjutan moratorium dan bantuan gaji pekerja secara bersasar bagi PKS memerlukan.

Cara ini bakal membantu PKS dalam operasi mereka seterusnya membantu mengekalkan pekerja mereka. Ini mampu memperlambatkan kenaikan kadar pengangguran yang kini dialami negara.

Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia



Dr Saifuzzaman
Ibrahim